



**MODUL PINTAS**  
**TINGKATAN 5**  
**BAHASA MELAYU**  
**Kertas 2**

**1103/2**

$2\frac{1}{2}$  jam

Dua jam tiga puluh minit

---

---

**PERATURAN PEMARKAHAN**  
**BAHASA MELAYU K2**  
**1103/2**

## BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

Jawab semua soalan.

Soalan 1 : 6 markah

Soalan 2 : 6 markah

Soalan 3 : 11 markah

Soalan 4 : 6 markah

Soalan 5 : 6 markah

### Soalan 1: MORFOLOGI

1. Berikan 1 markah bagi setiap perkataan yang disenaraikan dengan betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
3. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan soalan.
4. Frasa yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
5. Frasa digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
6. Sengaja menambah atau menukar imbuhan, berikan 0 markah
7. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak  $\frac{1}{2}$  markah bagi setiap ayat.
8. Jika semua frasa digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
9. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
10. Idea tidak jelas, berikan 0 markah.

### Kata nama terbitan

Bil.	Jawapan contoh	Maksud/ makna kata
i.	<i>pandangan</i>	1. hasil perbuatan memandang; 2. apa yang terlihat (tergambar) di mata, hasil perbuatan memandang; 3. yang menjadi perharian; 4. anggapan, pendapat, tanggapan, fikiran
ii.	<i>gambaran</i>	1. gambar, lukisan; 2. kisah (keterangan, bayangan, dsb) tentang sesuatu keadaan dsb;
iii.	<i>kecemerlangan</i>	ki keelokan, keindahan, kegemilangan;
iv.	<i>peperiksaan</i>	ujian (untuk menentukan kebolehan atau kepandaian seseorang);
v.	<i>pelajar</i>	orang yang belajar (spt murid sekolah, penuntut di maktab, dsb), orang yang mengaji (menyelidiki ilmu)
vi.	<i>keutamaan</i>	1. kelebihan daripada yang lain-lain tempat yang utama; 2. perihal utama, keistimewaan, keunggulan

[6 markah]

## Soalan 2: SINTAKSIS

Cerakinkan ayat-ayat yang bergaris.

Bil.

- i. Penggunaan bahasa slanga yang meresapi kehidupan remaja kini tidak berupaya untuk dihalang
  - *Penggunaan bahasa slanga meresapi kehidupan remaja kini.*
  - *Penggunaan bahasa slanga tidak berupaya untuk dihalang.*
- ii. Pihak penerbit perlu mengatur strategi bagi mengatasi masalah penggunaan bahasa slanga dalam bahan bacaan
  - *Pihak penerbit perlu mengatur strategi.*
  - *Pihak penerbit mengatasi masalah penggunaan bahasa slanga dalam bahan bacaan.*
- iii. Pembaca hari ini lebih terdedah dengan bahasa yang baik dan seterusnya dapat melestarikan kesantunan dalam berbahasa.
  - *Pembaca hari ini lebih terdedah dengan bahasa yang baik.*
  - *Pembaca hari ini dapat melestarikan kesantunan dalam berbahasa.*

[6 markah]

## Soalan 3: PENYUNTINGAN

### Skema jawapan cadangan

Bil	Kesalahan bahasa	Pembetulan
i.	<i>definasi</i>	<i>definisi</i>
ii.	<i>gulungan</i>	<i>golongan</i>
iii.	<i>beristirehat</i>	<i>beristirahat</i>
iv.	<i>pada</i>	<i>di</i>
v.	<i>pelbagai-bagai</i>	<i>pelbagai/ berbagai-bagai</i>
vi.	<i>penyakit</i>	<i>pesakit</i>
vii.	<i>berkecuali</i>	<i>terkecuali</i>
viii.	<i>bukan</i>	<i>tidak</i>
ix.	<i>sosio-ekonomi</i>	<i>sosioekonomi</i>
x.	<i>hak mutlak</i>	<i>hak asasi</i>
xi.	<i>pendedahan</i>	<i>mendedahkan</i>

[11 markah]

#### Soalan 4: BAHASA MELAYU STANDARD

Bil Jawapan Cadangan

- i *Sebenarnya semasa Laksamana sedang tidur, kerisnya telah sedia terhunus, lalu dia bangun melompat dan menikam dada Kertala Sari hingga tertusuk ke belakangnya.*
- ii *Lalu/ Kemudian Laksamana pun berkata, “Ceh, mati engkau olehku/ di tanganku!”*
- iii *Setelah Kertala Sari merasai luka itu/ tersebut, lalu dihunus kerisnya pula untuk mengusir/ menghalau/ menikam/ melawan Laksamana.*
- iv *Dua tiga langkah sahaja maka/ lalu dia pun rebah tersungkur dan mati.*

[6 markah]

#### PEMARKAHAN SECARA HOLISTIK

PERINGKAT	MARKAH
CEMERLANG	5 - 6
BAIK	3 - 4
MEMUASKAN	1 - 2

#### Soalan 5: PERIBAHASA

*Kemukakan tiga peribahasa yang menggambarkan tiga situasi berbeza yang terdapat dalam petikan tersebut.*

Bil. Peribahasa

- i. *Bagai isi dengan kuku.*
- ii. *Biar pecah di perut jangan pecah di mulut.*
- iii. *Rambut sama hitam, hati lain-lain.*
- iv. *Nasi sudah menjadi bubur.*

[6 markah]

## BAHAGIAN B: PEMAHAMAN

[35 markah]

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 6 : **13** markah

Soalan 7 : **12** markah

Soalan 8 : **10** markah

### Perhatian bagi Soalan 6 dan soalan soalan 7

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/semurna**.

### Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	1
- Jawapan tidak tepat / salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup/ kurang lengkap tetapi ayat gramatis	1
- Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas dan ayat tidak gramatis	0

3. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis (3 isi)	4
- Isi tidak cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat masih gramatis (2 isi)	3
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis (1 isi)	2
- Isi kurang lengkap/ kurang relevan dan ayat kurang gramatis (1 isi)	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas dan ayat tidak gramatis	0

**Soalan 6: PETIKAN UMUM**

(i) Maksud rangkai kata *merangsang pertumbuhan*

P1	membangkitkan/ menimbulkan/ menggalakkan peningkatan/ perkembangan	2
P2	<i>merangsang</i> peningkatan/ perkembangan	1
P3	membangkitkan/ menimbulkan/ menggalakkan <i>pertumbuhan</i>	1

[Maksimum: 2 markah]

(ii) Kebaikan sukan kepada masyarakat dan negara

**Bahan 1**

P1	E-sukan melahirkan pemain yang berdisiplin dan berbakat	1
----	---	---

**Bahan 2**

P2	Memberikan impak kepada pertumbuhan ekonomi/Merangsang pertumbuhan ekonomi/	1
P3	Menjanjikan pulangan yang besar kepada pertumbuhan ekonomi	1
P4	Menjana pendapatan	1
P5	Membuka pulangan pelaburan kepada negara	1
P6	Mewujudkan peluang pekerjaan	1
P7	Meningkatkan imej negara	1

**Bahan 3**

P8	Penghubung perpaduan antara pelbagai kaum	1
----	---	---

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

- (iii) Usaha-usaha mempopularkan e-sukan dalam kalangan remaja
- |    |  |   |
|----|--|---|
| P1 | Pihak sekolah menjadikan e-sukan sebagai kegiatan kokurikulum di sekolah/ mewujudkan kelab e-sukan | 1 |
| P2 | Agensi-agensi terlibat/kerajaan menganjurkan pertandingan e-sukan pada pelbagai peringkat          | 1 |
| P3 | Kerajaan menyalurkan dana secara konsisten kepada penggiat e-sukan                                 | 1 |
| P4 | Mempromosikan e-sukan dalam pelbagai medium seperti media cetak dan media massa.                   | 1 |
| P5 | Mempelbagaikan pertandingan e-sukan  | 1 |
| P6 | Melatih lebih ramai remaja agar mahir dalam e-sukan  | 1 |

**(Jawapan lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

[Maksimum: 3 markah]  
[Isi cukup: 2 isi]

- (iv) Tindakan-tindakan yang perlu dilakukan
- |    |   |   |
|----|---|---|
| P1 | Mengambil cakna tentang perubahannya dan mendampingiya dengan mesra dan tidak mengabaikannya    | 1 |
| P2 | Mengajak rakan melakukan aktiviti berfaedah seperti riadah pada masa lapang                     | 1 |
| P3 | Menasihatinya dengan cara yang baik untuk menangani ketagihannya bermain permainan dalam talian | 1 |
| P4 | Berbincang dengannya tentang kepentingan pelajaran dalam kehidupan                              | 1 |
| P5 | Menyedarkannya tentang tanggungjawab sebagai seorang pelajar                                    | 1 |
| P6 | Meminta bantuan daripada guru kelas/ kaunselor/ orang yang dihormati untuk menasihatinya        | 1 |

**(Jawapan lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

[Maksimum: 4 markah]  
[Isi cukup: 3 isi]

### Soalan 7: PETIKAN SASTERA

(i) Maksud rangkap ketiga

P1 Bilangan burung upeh sudah tidak bertambah disebabkan oleh kemusnahan sarang burung upeh apabila hutan bakau diteroka secara berleluasa 2

[Maksimum: 2 markah]

(ii) Bentuk kemusnahan yang dilakukan oleh manusia

#### Bahan 1

P1 Penerokaan hutan yang dilakukan oleh manusia secara berleluasa menyebabkan kemusnahan berlaku 1

#### Bahan 2

P2 Pemburuan haram yang dilakukan sehingga menyebabkan haiwan terancam. 1

[Maksimum: 3 markah]  
[Isi cukup: 2 isi]

(iii) Punca-punca yang menyebabkan hutan diteroka

P1 Aktiviti pembangunan seperti pembinaan kawasan perumahan baharu. 1

P2 Pembukaan infrastruktur seperti jalan raya 1

P3 Pembukaan kawasan pelancongan 1

P4 Pembalakan haram 1

(Jawapan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 3 markah]  
[Isi cukup: 2 isi]



(iv) Peranan-peranan yang boleh dilakukan:

P1	Perancangan aktiviti yang menarik	1
P2	Memberikan penerangan kepada rakan-rakan kebaikan penyertaan mereka dalam kelab	1
P3	Berbincang dengan pihak sekolah untuk memberikan merit kepada ahli	1
P4	Menyediakan ganjaran berbentuk hadiah dan sijil	1
P5	Mengundang penceramah yang berkaliber tentang alam sekitar bagi memberikan motivasi	1

(Jawapan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

### Soalan 8: NOVEL

(i) Persediaan-persediaan yang dilakukan oleh tentera dan penduduk kampung untuk menghadapi serangan pihak musuh

P1	Kubu-kubu dibina lengkap dengan senjata	1
P2	Anggota tentera membuat rondaan kawalan di persekitaran perkampungan dengan dibantu oleh pasukan pengawal yang ditubuhkan penduduk kampung	1
P3	Pengawal kampung turut dibekal senjata api bagi melindungi diri daripada serangan	1
P4	Mereka dilatih cara-cara menggunakan senjata api dan beberapa taktik peperangan untuk memudahkan pergerakan mereka nanti	1

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

### Soalan 8 (ii)

- 1) Jawapan berdasarkan sebuah buah novel yang dipelajari.
- 2) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- 3) Beri 1 markah bagi setiap **pengajaran yang menunjukkan kegigihan**
- 4) Beri 1 markah bagi setiap **huraian peristiwa/ penjelasan/ huraian/ sebab/ alasan contoh peristiwa** yang dapat dijadikan panduan hidup betul/ jelas/ tepat.
- 5) Markah isi maksimum 4 (maksimum 2 markah bagi setiap isi).
- 6) Markah bahasa maksimum 2.
- 7) Markah bahasa diberi secara *impression*  
Baik - 2 markah  
Lemah - 1 markah
- 8) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.  
Calon tidak menjawab 0 markah.

## Soalan 8 (ii): Pengajaran kegigihan

### Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa

1. Kita mestilah gigih menjalani sesuatu latihan agar berjaya mencapai impian.  
**Peristiwa:** Adnan gigih menjalani latihan ketenteraan sehingga mendapat pangkat leftenan. Adnan gigih menjalani latihan ketenteraan di Kem Haig Lines, Port Dickson walaupun jadual latihan ketenteraannya sangat padat. Beliau turut mempelajari ilmu agama dan undang-undang di kem tersebut. Selain itu, beliau dilatih menggunakan senjata api, teknik mempertahankan diri dan gerak gempur.  
**Teladan:** *Kegigihan Adnan ini boleh dijadikan panduan agar pembaca juga gigih dalam melakukan sesuatu sehingga berjaya.*
2. Kita hendaklah gigih berusaha dalam menuntut ilmu pengetahuan.  
**Peristiwa:** Adnan gigih menimba ilmu. Walaupun dia tidak fasih berbahasa Inggeris namun dia gigih berlatih untuk memenangi pertandingan syarahan bahasa Inggeris di sekolahnya. Akhirnya Adnan berjaya dalam pertandingan tersebut.  
**Teladan:** *Kegigihan ini boleh dijadikan panduan hidup kerana menunjukkan kesungguhan dan kegigihan dalam menuntut ilmu pengetahuan*

### Novel Tirani

1. Kita haruslah gigih dalam mempertahankan rumah tangga agar tidak musnah.  
**Peristiwa:** Waheeda gigih mempertahankan rumah tangganya yang hampir runtuh bersama Zahid dengan membuat ujian DNA bagi membuktikan bahawa bayi yang dilahirkannya merupakan anaknya dan Zahid.  
**Teladan:** *Kegigihan Waheeda boleh dijadikan panduan agar pembaca gigih menegakkan kebenaran demi keharmonian keluarga.*
2. Kita mestilah gigih mengulang kaji pelajaran untuk mencapai kejayaan.  
**Peristiwa:** Waheeda rajin mengulang kaji pelajaran hingga memperoleh kejayaan.  
**Teladan:** *Kegigihan ini boleh dijadikan panduan hidup agar kita haruslah gigih berusaha dalam pelajaran agar mencapai kejayaan*

\* sekiranya murid tidak menyatakan pernyataan, berikan 0 markah untuk isi.

**(Jawapan lain diterima jika relevan)**

## BAHAGIAN C: RUMUSAN

Markah penuh **30** dibahagikan kepada:

- (a) Isi - **20 markah**
- (b) Bahasa - **10 markah**

(a) **Isi** [20 markah]

### Nota

- a. Panduan mengira perkataan
  - (i) Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:
    - i. nama khas
    - ii. perkataan berulang
    - iii. penggunaan kata depan *di* dan *ke*
    - iv. tarikh
    - v. angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
    - vi. gelaran
  - (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120** perkataan sahaja sebelum diperiksa.
  - (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
  - (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja. **8 isi mestilah terdiri daripada 2 bahan yang diberi**.

Pendahuluan	Markah
P1 Rumusan ini membincangkan cabaran-cabaran/ kekangan-kekangan/ masalah-masalah bahasa Melayu dan langkah-langkah/usaha-usaha/ cara-cara untuk memartabatkan bahasa Melayu	2
P2 Rumusan ini membincangkan cabaran-cabaran/ kekangan-kekangan/ masalah-masalah dalam penggunaan bahasa Melayu	1
P3 Rumusan ini membincangkan langkah-langkah/usaha-usaha/cara-cara memartabatkan bahasa Melayu	1
P4	0

### **Bahan 1 Fokus 1 : Cabaran-cabaran bahasa Melayu**

- |   |  |   |
|---|--|---|
| 1 | pengaruh media sosial mampu merencatkan proses pemartabatan bahasa Melayu  | 2 |
| 2 | masyarakat lebih gemar mengajar anak berbahasa Inggeris di rumah semata-mata untuk membolehkan anak mereka menguasai bahasa Inggeris | 2 |
| 3 | syarikat perniagaan yang memasang papan tanda iklan yang salah susunan ayat dan ejaannya   | 2 |

### **Bahan 2 Fokus 1 : Cabaran-cabaran bahasa Melayu**

- |   |   |   |
|---|---|---|
| 1 | kebanyakan pihak berkuasa tempatan kurang berusaha mendaulatkan bahasa Melayu | 2 |
| 2 | pencemaran bahasa disebabkan penggunaan bahasa rojak                          | 2 |
| 3 | bahasa pasar menyebabkan pencemaran bahasa Melayu                             | 2 |
| 4 | penggunaan bahasa singkatan (SMS)   | 2 |
| 5 | bahasa dialek   | 2 |

### **Bahan 1 Fokus 2 : langkah-langkah/ usaha-usaha/ cara-cara untuk memartabatkan bahasa Melayu**

- |   |  |   |
|---|--|---|
| 1 | memperkukuh penggunaan bahasa Melayu standard dalam semua urusan terutama dalam urusan rasmi dan media | 2 |
| 2 | memperkasakan Kurikulum Bahasa Melayu  | 2 |
| 3 | KPM juga memperkukuh bahasa Melayu dalam kokurikulum   | 2 |
| 4 | memperkasakan pentaksiran bahasa Melayu yang bersifat holistik dan seimbang                            | 2 |
| 5 | KPM memperkasakan Kesusasteraan Melayu   | 2 |

### **Kesimpulan**

- |    |  |   |
|----|--|---|
| K1 | Kesimpulannya, semua pihak perlulah memartabatkan bahasa Melayu agar kedaulatannya kekal terpelihara | 2 |
| K2 | Kesimpulannya, semua pihak perlu memartabatkan bahasa Melayu   | 1 |
| K3 |  | 0 |

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian Bahasa
Baik	18 - 20 15 - 17	09 - 10 07 - 09	- Kesenambungan isi baik - Struktur ayat/tatabahasa baik - Kosa kata luas - Tanda baca/ejaan betul
Sederhana	12 - 14 08 - 11	06 - 07 04 - 06	- Kesenambungan isi masih baik - Struktur ayat/ tatabahasa masih memuaskan - Kosa kata masih memuaskan - Tanda baca/ejaan juga memuaskan
Lemah	01 - 07	01 - 04	- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/ tidak memuaskan

**Nota**

- i. Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- ii. Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- iii. Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 perkataan, berikan **0 markah**.
- iv. Jika rumusan kurang **120** perkataan, markah tidak dipotong.

[Markah Bahasa, **Maksimum: 10 markah**]